



27-12-2016

# Bayi membusuk dalam beg

Honon metro  
27/12/2016  
m155

■ **Jasad bayi perempuan dalam kain batik ditinggalkan di pekarangan Surau Al-Raudhah**

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
azimfitri@mediaprima.com.my

Rompin

**K**ejam dan tidak berperikemanusiaan. Itu perkataan yang dapat digambarkan terhadap tindakan membungkus bayi menggunakan kain batik serta diletakkan di dalam beg sebelum ditinggalkan di pekarangan Surau Al-Raudhah, Bandar Tun Abdul Razak, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira 6 pagi itu, bayi perempuan berkenaan ditemui jemaah surau di dalam sebuah beg selepas terhidu bau busuk.

Menurut Ahli Jawatankuasa Surau Al-Raudhah, Mahmud Yusof, 60, dia menyedari perkara itu selepas selesai menunaikan solat subuh.

"Selepas selesai solat saya terdengar bunyi bising kanak-kanak di belakang surau mengatakan jumpa beg berbau busuk.

"Saya bangun dan melihat beg ditinggalkan di hadapan

“

Untuk memastikan kandungan beg itu saya pegang dan mengangkatnya sebelum mendapati ada kesan darah di lantai”

Mahmud Yusof

tangga surau. Untuk memastikan kandungan beg itu saya pegang dan mengangkatnya sebelum mendapati ada kesan darah di lantai,” katanya.

Mahmud berkata, dia segera ke Balai Polis Bandar Tun Abdul Razak untuk membuat laporan sebelum kembali dan mendapati surau itu dipenuhi orang ramai yang ingin mengetahui mengenai kejadian berkenaan.

Katanya, orang ramai kemudian membuka beg itu dan menemui mayat bayi perempuan tidak bernyawa yang dibalut menggunakan kain batik.

"Surau ini wujud 30 tahun lalu dan kejadian ini yang



MAYAT bayi berbungkus kain batik ditemui di pekarangan Surau Al-Raudhah, Bandar Tun Abdul Razak.

pertama berlaku. Saya kesal masih ada individu yang melakukan perbuatan terkutuk ini lebih-lebih lagi di kawasan surau,” katanya.

Difahamkan bayi itu ditinggalkan di surau berke-

naan pada waktu malam selepas penduduk selesai menunaikan solat Isyak dan usaha mengesan ibu bayi terbabit giat dilakukan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Deputy Superinten-

dan Muhammad Aidil Roneh Abdullah ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan dan berkata siasatan lanjut dijalankan.

Beliau berkata, pihaknya berusaha-mengesan individu

bertanggungjawab membungkus bayi berkenaan hingga menyebabkan kematian.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran," katanya.